

**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK**

Tarikh: XXXX

**Pelanggan yang dihormati,**

Lembaran Pendedahan Produk ini menyediakan maklumat penting tentang insurans perubatan dan kesihatan anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca Lembaran Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

**1 Apa itu CI Multi Shield (Dengan Manfaat Pemulihan Kanser)?**

CI Multi Shield (Dengan Manfaat Pemulihan Kanser) ialah rider penolakan unit tanpa penyertaan yang menyediakan perlindungan sekiranya didiagnosis dengan mana-mana satu 126 kejadian penyakit kritikal yang dilindungi pada tahap awal, pertengahan dan akhir. Rider ini menyediakan perlindungan tambahan untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari dan Komplikasi Kencing Manis. Rider ini juga menyediakan pilihan Manfaat Pemulihan Kanser.

**2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-Manfaat Anda**

**Sebagai ilustrasi,** anda akan menerima **perlindungan** seperti yang berikut:

*Ini adalah terpakai untuk lelaki berumur 30 tahun pada hari jadi berikutnya yang tidak merokok, dengan Jumlah Diinsuranskan sebanyak RM100,000 dan risiko piawai.*

|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |                                                                                                                                                                                                                                         |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Manfaat Penyakit Kritikal Berperingkat                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | <b>RM100,000</b> bagi penyakit kritikal tahap akhir; atau <b>RM60,000</b> bagi penyakit kritikal tahap pertengahan; atau <b>RM30,000</b> bagi penyakit kritikal tahap awal.<br>Jumlah maksimum yang akan dibayar ialah <b>RM100,000</b> |
| Manfaat Khas                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari: <b>RM10,000</b><br>Komplikasi Kencing Manis: <b>RM10,000</b>                                                                                                       |
| Manfaat Pemulihan Kanser                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | <b>RM100,000</b> bagi penyakit kritikal tahap akhir; atau <b>RM60,000</b> bagi penyakit kritikal tahap pertengahan; atau <b>RM30,000</b> bagi penyakit kritikal tahap awal.<br>Jumlah maksimum yang akan dibayar ialah <b>RM100,000</b> |
| Perlindungan Tambahan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | Tidak berkenaan.                                                                                                                                                                                                                        |
| Penyakit-penyakit kritikal yang <u>dilindungi</u> di bawah rider ini termasuk:<br>1. Kanser<br>2. Strok<br>3. Serangan Jantung<br>4. Sklerosis Multipel<br>5. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari<br><br><b>Nota:</b> Senarai ini tidak lengkap. Sila baca kontrak tambahan anda untuk maklumat mengenai penyakit-penyakit kritikal yang dilindungi.                                                                                                      |                                                                                                                                                                                                                                         |
| Insurans perubatan dan kesihatan anda <b>tidak termasuk</b> :<br>▪ Keadaan sedia ada;<br>▪ Penyakit kritikal yang kali pertama muncul semasa tempoh menunggu; dan<br>▪ Hayat yang Diinsuranskan tidak meneruskan hidup sekurang-kurangnya 30 hari selepas diagnosis dengan mana-mana kejadian penyakit kritikal.<br><br><b>Nota:</b> Senarai ini <b>tidak menyeluruh</b> . Anda harus rujuk kepada kontrak tambahan bagi senarai pengecualian yang penuh. |                                                                                                                                                                                                                                         |

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

**Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:**



Hubungi  
03-7652 3388



Emel  
[customerservice@mcis.my](mailto:customerservice@mcis.my)

### 3 Ketahui Tanggungjawab Anda

| Bagi insurans perubatan dan kesihatan anda, anda harus membayar premium sebanyak: |                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|-----------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Premium                                                                           | Tidak dikenakan. Caj-caj Insurans bulanan akan ditolak daripada Nilai Akaun anda bagi kos menyediakan perlindungan insurans bagi Jumlah Diinsuranskan sebanyak <b>RM10,000</b> .<br>Caj-caj Insurans yang diilustrasikan di dalam Ilustrasi Produk adalah dikenakan ke atas risiko piawai. |
| Tempoh Rider: 70 tahun                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj yang berikut:                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| Komisen                                                                           | Tidak dikenakan.                                                                                                                                                                                                                                                                           |

### 4 Terma Penting Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin mengalami risiko tuntutan anda ditolak atau rider anda ditamatkan.
- Terma rider dan Caj-caj Insurans mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan oleh MCIS Insurance Berhad.
- Caj-caj Insurans adalah tidak dijamin. MCIS Insurance Berhad berhak untuk mengubah Caj-caj Insurans dengan memberikan 30 hari notis bertulis dahulu.
- Perlindungan anda hanya akan bermula 60 hari selepas tarikh kuatkuasa insurans bagi Manfaat Khas dan peristiwa penyakit kritikal sebagaimana ditakrifkan di bawah tahap awal dan tahap pertengahan. Manakala, perlindungan bagi peristiwa penyakit kritikal sebagaimana ditakrifkan di bawah tahap akhir hanya akan bermula 30 hari selepas tarikh kuatkuasa insurans kecuali bagi Kanser, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Serangan Jantung dan Penyakit Arteri Koronari Serius yang mana hanya akan bermula 60 hari selepas tarikh kuatkuasa insurans.
- Rider akan luput apabila Nilai Akaun tidak mencukupi untuk membayar Caj-caj Insurans.
- Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai prosedur tuntutan dan borang-borang yang berkenaan dengan menghubungi MCIS Insurance Berhad.
- Jika anda bertukar polisi anda daripada satu syarikat insurans kepada yang lain atau bertukar daripada satu jenis pelan insurans kepada yang lain, anda mungkin dikenakan terma dan syarat baharu bagi pelan insurans baharu atau oleh syarikat insurans baharu.

**Nota:** Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus rujuk kepada kontrak tambahan bagi senarai terma dan syarat yang penuh.

### ? Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada MCIS Insurance Berhad.

- Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan rider anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh penerimaan Polisi. Caj-caj Insurans yang telah ditolak dengan sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung akan dibayar balik ke Nilai Akaun.
- Selepas Tempoh Bertenang:** Jika anda membuat keputusan untuk tidak meneruskan rider anda selepas tempoh bertenang, anda boleh membatalkan dengan menghantar emel atau menulis kepada MCIS Insurance Berhad.